

Jabatan Pendaftar UMP raih anugerah gerai terbaik

Kombinasi konsep tradisional tanpa meninggalkan asas-asas moden menjadi faktor kejayaan

■ MOHD ZAKY ZAINUDDIN

KUANTAN - Berkat kerjasama dan persefahaman yang kukuh dalam melaksanakan sesuatu tugas-an membolehkan Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkul anugerah gerai terbaik sempena Majlis Sambutan Hari Raya warga UMP di pekarangan Kompleks Perkhidmatan Siswa.

Kombinasi konsep tradisional tanpa meninggalkan asas-asas moden menjadi faktor kejayaan jabatan berkenaan sehingga berjaya menarik minat juri untuk memilih gerai mereka sebagai juara keseluruhan selain menjadi pilihan pengunjung UMP untuk menyerbu medan makanan mereka.

Menurut penyelarasan gerai, Wallid Wahidi Hamzah, hasil kerja pasukan dan cetusan idea kreatif yang difokuskan oleh 30 staf jabatan itu sebenarnya menjadi aspek

utama kejayaan, di samping penyediaan kepada makanan yang bertemakan tradisional dan moden telah menarik minat ramai untuk berkunjung ke lokasi ini.

"Dekorasi dan makanan yang dihasilkan sebenarnya banyak membantu kami untuk menjadi juara kerana gabungan yang dilakukan tercetus daripada ilham seluruh staf yang menyedari anugerah milik kami.

"Rata-rata ahli pasukan amat berpuas hati kerana apa yang diusahakan membuahkan hasil dan ia sudah cukup untuk mengembirakan jabatan kami," katanya.

Jelasnya, kerjasama yang terbina telah mengeratkan hubungan di antara staf di samping dapat membina semangat kekitaan yang kuat dalam melaksanakan tugas yang diberi dengan penuh berhemah," ujarnya.

Penyediaan makanan yang disediakan sendiri oleh staf mempunyai kepelbagaian rasa yang unik mampu menampung lebih 6,000 pengunjung kerana mereka tidak mahu pelanggan terlepas merasai hidangan di gerai ini.



Gerai Jabatan Pendaftar UMP diserbu pelajar untuk mendapatkan makanan berciri Hari Raya.

"Seramai 3,700 pelajar dan 800 staf di sini. Namun kami menyediakan makanan lebih kerana mempunyai jempunan luar selain dapat mengelakkan ada pihak tidak dapat menikmati makan yang disediakan oleh kami," katanya.

Tambahnya, majlis sebegini bakal menjadi medan terbaik kepada staf untuk mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat seterusnya dapat

membina jaringan perhubungan yang utuh untuk mengelakkan daripada dipengaruhi oleh anasir yang tidak baik.

"Kami bekerja seperti adik beradik dan berjaya mewujudkan satu persefahaman di antara ahli kumpulan yang mana dapat di praktik dalam pelbagai program bukan sahaja berbentuk hiburan atau keraian tetapi majlis yang bersifat ilmiah," katanya lagi.

3,700 pelajar
terlibat

800 lebih
kakitangan

6 000